

Air: Sikap dua negeri dipertikai

UMAL 7 AUG 2003

KUALA LUMPUR 6
Ogos — Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Samy Vellu **memper-**tikaikan pendirian **keraja-**an negeri Kelantan dan Terengganu yang enggan menyerahkan urusan air kepada kerajaan **Pusat**.

Menurutnya wakil **ke-**dua-dua kerajaan negeri terbabit tidak **membantah** semasa cadangan itu dibentangkan **pada mesyuarat** Majlis Sumber Air Negara baru-baru **ini**.

Beliau berkata, wakil kedua-dua negeri terbabit hanya mengemukakan **soalan** kepada **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai **apa** yang akan berlaku sekiranya **Kerajaan Pusat** mengambil alih pengurusan air.

"**Perdana Menteri** **men-**jawab dengan **pengambil-**alihan itu semua kos **pe-**ngurusan air, kajian **sum-**ber air dan pengagihan air akan diletakkan di bawah tanggung jawab Kerajaan **Pusat**."

"Hari itu, (**pada mesyuarat**) tidak **ada bantahan**," katanya selepas **mesyuarat** mingguan **Pasca** Kabinet kementeriannya hari **ini**.

Beliau mengulas **me-**ngenai pendirian **keraja-**an Kelantan dan **Tereng-**ganu yang tidak bersetuju pengurusan air setiap **ne-**geri di Semenanjung **dise-**

rahan kepada kerajaan **Pusat**.

Malah Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul **Hadi Awang** **mena-**fikan bahawa kerajaan negeri **memberi persetu-**juan berhubung cadangan tersebut.

Menteri Besar **Kelan-**tan, Datuk Nik Abdul Aziz dalam reaksi **perta-**ma berhubung keputusan itu berkata, Kelantan **ti-**dak setuju dengan pengambilalihan **pengu-**rusan bekalan air oleh Kerajaan **Pusat** **mema-**dangkan pengurusan air sedia **ada** oleh Air **Kelan-**tan Sdn. Bhd. (**AKSB**) **cukup** berkesan.

Ketika ditanya apakah kesan kepada cadangan **tersebut** sekiranya **ke-**dua-dua kerajaan negeri **ter-**babit berkeras dengan **ke-**putusan mereka, Samy berkata, **ia mungkin** akan menyebabkan masalah air berterusan **pada** masa akan datang.